

## UMP Jejak Asnaf Serah Sumbangan Untuk Fakir Miskin



Kuantan, 25 Jun- Dalam usaha memasyarakatkan kampus Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengambil inisiatif mendekati masyarakat dalam Program Jejak Asnaf Fakir Miskin yang dilaksanakan bagi membantu golongan yang memerlukan bantuan dalam menjalani kesempitan kehidupan seharian terutamanya ketika umat Islam menjalani ibadah berpuasa pada bulan Ramadan.

Program yang dijalankan Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN) dengan kerjasama Jabatan Pendaftar dan Persatuan Wanita UMP (Matahari) sempena Festival Ramadan pada tahun ini berjaya menjejaki 11 golongan asnaf yang fakir dan miskin. yang tinggal sekitar Kuantan membabitkan Kg. Pandan, Cenderawasih, Kampung Belakang Giant, Gudang rasau, Inderapura, Sri Damai dan Jaya Gading.

Menurut Pengarah PIMPIN, Dr. Mahyuddin Ismail berkata, pihaknya memperkenalkan beberapa inisiatif dalam menyemarakkan kedatangan bulan Ramadan al-Mubarak.

"Program Jejak Asnaf Fakir Miskin memberi peluang dalam kalangan warga universiti untuk turun padang menghulurkan sumbangan keperluan asas seperti bantuan bekalan makanan, pencucian dan bantuan peralatan lain yang diperlukan mereka serta merasai kegembiraan menjelang Syawal nanti tatkala umat Islam menyambut Hari Raya," katanya yang hadir menyampaikan sumbangan kepada penerima manfaat.

Tambah Dr. Mahyuddin, segala persiapan sumbangan diselaraskan menerusi Jawatankuasa Kebajikan di Jabatan Pendaftar dengan digerakkan pihak Persatuan Matahari yang giat mengumpul sumbangan daripada pihak korporat dan orang ramai yang berhasrat membantu golongan yang memerlukan.



Turut menyemarakan sambutan adalah Program Tarawih, Tadarus Al-Quran, Bubur Lambuk Komuniti, Diskusi Rahsia Keajaiban Al-Quran, Iftar bersama penduduk kampung, berbuka puasa berjemaah (Iftar Jamaie) serta program gotong-royong yang dijalankan staf dan pelajar mengikut jabatan yang ditetapkan secara bergilir.

Sementara itu, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, usaha ini merupakan salah satu program yang dijalankan dalam usaha mendekati masyarakat sekitar. Katanya, universiti bukan sahaja berperanan melahirkan tenaga kerja mahir dalam pelbagai bidang mlahan turut bertanggungjawab menyumbang ilmu dan kepakaran dalam pembangunan komuniti setempat.

Universiti pada ini turut memberi tumpuan terhadap program komuniti, kemasyarakatan dan kesukarelawanan dan untuk itu UMP memperkenalkan program MyGift sebagai satu usaha mengumpul sumbangan daripada mana-mana pihak bagi menyalurkan sumbangan endowmen bagi tujuan tajaan pelajaran, penyediaan kemudahan prasarana kepada pelajar mahupun membudayakan semangat membantu bagi golongan yang memerlukan.

Sembilan jenis endowmen atau tabungan yang dilaksanakan adalah endowmen Kursi, Basiswa Pelajar, Makmal, Tabung Ramadhan, Tabung Masjid, Tabung Bencana, Wakaf, Komuniti dan Tabung Tidak Patuh Syariah dan orang ramai boleh turut sama menyumbang melalui perbankan internet dengan melayari portal MyGift di laman web universiti [www.ump.edu.my](http://www.ump.edu.my) untuk mendapat maklumat lanjut mengenai program ini. UMP juga mengalu-alukan sumbangan daripada semua pihak termasuk warga UMP, pelajar, alumni dan individu serta badan-badan korporat sama ada di dalam mahu pun luar negara dalam menyokong pembudayaan menderma demi memakmurkan ilmu pendidikan di UMP ini.

Sementara itu bagi seorang anak penerima, Mohammad Shahrul bin Rostam, 17 dari Jaya Gading berkata, beliau amat berterima kasih atas sumbangan UMP ini. "Dengan sumbangan ini dapatlah kami buat untuk berbuka puasa dan persiapan hari raya,"katanya . Beliau tinggal bersama ibunya dan empat lagi adik beradiknya serta ibu saudaranya.





Disediakan Unit Perhubungan Awam, Bahagian Komunikasi Korporat PNC

Posted By : SITI SARAH BINTI MOHAMAD RAJIMI Date Posted : 25-06-2015, 16:32:36